

Mesej Tiga

**Hidup dalam Trinitas Divin**

(2)

**Hidup dalam Trinitas Divin**

**dengan Menikmati Kristus sebagai Bekalan Hayat Kita,  
dengan Berhidupkan Kristus untuk Memperbesar-Nya,  
dan Melalui Kurnia Tuan Yesus Kristus dalam Roh Kita**

Bacaan Bible: Yoh. 20:22; 6:57, 63; Yes. 12:3-6; Flp. 1:19-21a; Gal. 6:17-18; Wahi 22:21

**I. Kita hidup dalam Trinitas Divin dengan menikmati Kristus sebagai bekal hayat kita:**

- A. Tuan telah menghembuskan diri-Nya sebagai Roh Kudus (Nafas Kudus) ke dalam disipul-Nya pada hari kebangkitan-Nya (Yoh. 20:22); sekarang kita dapat terus-menerus menerima Kristus pneumatik sebagai nafas Tuhan agar Dia dapat menjadi kaya kepada kita dengan kita menyeru nama-Nya (Rat. 3:55-56; Kej. 4:26; Roma 10:12-13; *Kidung*, #210); kita juga dapat menghirup Kitab, iaitu sabda Tuhan, sebagai penghembusan keluar Tuhan (2 Tim. 3:16); oleh sebab sabda yang dibicarakan-Nya ialah perjasadan Roh hayat, apabila kita menerima sabda-Nya dengan melatih roh kita, kita beroleh Roh itu yang merupakan hayat (Yoh. 6:57, 63).
- B. Hasrat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah menjadi mata air, sumber air hidup untuk memuaskan umat pilihan-Nya demi kenikmatan mereka; matlamat kenikmatan ini ialah menghasilkan gereja sebagai pertambahan Tuhan, pembesaran Tuhan, untuk menjadi kepenuhan Tuhan demi ekspresi-Nya—Yer. 2:13; Rat. 3:22-24; 1 Kor. 1:9:
1. Kita minum daripada satu Roh dalam kebangkitan menjadikan kita anggota Tubuh, membina kita sebagai Tubuh, dan mempersiapkan kita menjadi pengganti Kristus—12:13; Wahi 22:17; Yoh. 4:14b.
  2. Kita boleh menimba air dengan riang dari mata air penyelamatan dengan berbicara dan menyanyi kepada Tuan, melalui Tuan, untuk Tuan, dalam Tuan, dan bersama dengan Tuan untuk menjunjung Tuan dan bergirang dalam Tuan secara terus-menerus—Mzm. 46:4; Yes. 12:3-6.
  3. Kita boleh menikmati Tuan sebagai minuman rohani kita dengan berlatih sentiasa berbicara dengan-Nya; kemudian, secara spontan kita akan berhidupkan Kristus—Bil. 20:8; Flp. 4:6-7, 12.
- C. Kita boleh makan Kristus sebagai makanan rohani kita untuk hidup kerana Dia (Yoh. 6:57); makan Kristus bererti makan sabda-Nya dengan melatih roh kita untuk mendoa-baca dan merenungi sabda-Nya supaya sabda-Nya menjadi kegirangan dan keriang hati kita (Yer. 15:16; Mzm. 119:15-16; Yos. 1:8-9); hidup “kerana” Kristus dan bukan hanya melalui Kristus, bermaksud bahawa elemen Kristus yang memberi tenaga itu menjadi faktor yang membekal untuk kita berhidupkan Kristus.

**II. Kita hidup dalam Trinitas Divin dengan berhidupkan Kristus untuk memperbesar-Nya melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus—Flp. 1:19-21a:**

- A. Percayawan berhidupkan Kristus melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus; Roh Yesus Kristus ialah Kristus yang merupakan Roh yang mendisipkan hayat—ay. 19; 1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:6:
1. Perbekalan limpah lengkap merangkumi kedivinan, keinsanan, penyaliban, kebangkitan, kenaikan ke syurga, atribut divin, dan virtu insani.
  2. Segala-gala yang kita lakukan dan seluruh kehidupan kita haruslah melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus—Flp. 1:19.

3. Dengan berada di bawah pendispenan divin daripada Trinitas Divin, secara spontan kita akan menerima bekal dari Kristus di dalam dan menjalani kehidupan yang mengekspresikan Kristus—ay. 20-21a.
- B. Seluruh kehidupan dan kerja Paulus bukan untuk mengekspresikan dirinya atau untuk memaparkan pengetahuannya, keupayaannya, atau keistimewaannya dan kelebihanannya yang lain; apanya dia dan apa yang dilakukannya adalah untuk mengekspresikan Kristus, bahkan untuk memperbesar Kristus—ay. 20; 3:3-10; 2 Kor. 4:5.
- C. Semasa dutus menderita dalam tubuhnya, Kristus telah diperbesar, iaitu Kristus ditunjukkan atau diisytiharkan sebagai yang agung (tanpa batasan), dijunjung, dan disanjung puji—Flp. 1:20:
  1. Penderitaan dutus memberinya peluang untuk mengekspresikan Kristus yang tidak terbatas keagungan-Nya—Kis. 9:16; 2 Kor. 6:4; 11:23; Kol. 1:24.
  2. Memperbesar Kristus dalam apa jua keadaan bererti mengalami-Nya dengan kenikmatan yang tertinggi—Flp. 1:18; 4:23.
  3. Semasa Paulus ditawan dalam penjara Rom, dia memperbesar Kristus, mengagungkan-Nya di mata penawannya; tidak kira dalam apa jua keadaan, Paulus dipenuhi keriang dan kegirangan dalam Tuhan—1:4, 18, 25; 2:2, 17-18, 28-29; 3:1; 4:1, 4.
  4. Paulus memancarkan dan mengekspresikan Kristus dalam keriangannya merupakan suatu pengisytiharan tentang keagungan Kristus yang tidak terbatas dan pengisytiharan bahawa Kristus adalah tidak habis terpakai—Ef. 3:8, 18; bd. Yes. 9:6.
- D. Berhidupkan Kristus untuk memperbesar-Nya bererti berbahagian dalam penyelamatan Kristus dalam hayat; dalam penyelamatan ini, kita diselamatkan daripada kegagalan tidak berhidupkan Kristus dan diselamatkan daripada kekalahan tidak memperbesar Kristus—Roma 5:10.
- E. Sebagai teladan kepada para percayawan, Paulus menjalani kehidupan dalam keunggulan Kristus, yakni kehidupan yang penuh kehormatan, dengan standard virtu insani tertinggi yang mengekspresikan atribut divin yang paling unggul, iaitu kehidupan yang menyerupai kehidupan yang dijalani Tuhan sendiri di bumi beberapa tahun sebelumnya—1 Tim. 1:16; Kis. 27:21-26; 28:3-6, 8-10.

### **III. Kita hidup dalam Trinitas Divin melalui kurnia Tuhan Yesus Kristus dalam roh kita—Gal. 6:18:**

- A. Setiap hari, suatu transmisi divin yang mengagumkan sepatutnya berlangsung: Tuhan sedang membekalkan Roh kurnia dengan limpah lengkap, dan kita pula seharusnya menerima Roh kurnia secara terus-menerus supaya Dia dapat menjadi konstituen kita, dan kita dapat menjadi ekspresi-Nya—Ibr. 10:29b; Yoh. 1:16; Gal. 3:2-5; 2 Kor. 1:12; 12:9:
  1. Cara untuk menerima dan menikmati kurnia ialah berpaling kepada roh kita, melatih roh kita, dan membenarkan Tuhan bertakhta:
    - a. Setiap kali kita datang ke takhta kurnia dengan berpaling kepada roh kita, kita harus membenarkan Tuhan bertakhta, membenarkan Dia mempunyai kekepalaan, kemaharajaan, dan ketuanan dalam kita—Ibr. 4:16; Roma 5:17, 21; Kol. 1:18b; Wahi 2:4.
    - b. Takhta Tuhan ialah sumber bagi kurnia yang mengalir; setiap kali kita tidak membenarkan Tuhan bertakhta, menurunkan Dia dari takhta, aliran kurnia turut berhenti—22:1.
    - c. Jika kita membenarkan Tuhan Yesus bertakhta dalam kita, Roh itu sebagai sungai air hayat akan mengalir keluar dari takhta kurnia untuk membekali kita; dengan cara ini, kita akan menerima kurnia dan menikmati kurnia—ay. 1; *Kidung*, #557.

2. Apabila kita membawa tanda-tanda selar Yesus, kita menikmati kurnia Kristus—Gal. 6:17-18:
  - a. Dari segi rohani, tanda-tanda selar Yesus menandakan ciri kehidupan yang dijalani Paulus, yaitu kehidupan yang sama seperti kehidupan yang dijalani Tuan Yesus di bumi ini; kehidupan sedemikian terus-menerus disalibkan (Yoh. 12:24), melakukan kehendak Tuhan (6:38), tidak mencari kemuliaannya sendiri tetapi kemuliaan Tuhan (7:18), serta tunduk dan patuh kepada Tuhan, bahkan sehingga mati di atas salib (Flp. 2:8).
  - b. Jika kita membawa tanda-tanda selar Yesus dan menjalani kehidupan yang tersalib, kita akan menikmati kurnia Kristus sebagai perbekalan Roh beri-hayat dalam roh kita untuk kita memministerkan Kristus sebagai kurnia Tuhan kepada keluarga Tuhan—3:10; 2 Kor. 4:10-11; Ef. 3:2.
- B. Kurnia Tuan Yesus yang didispenkan ke dalam percayawan-Nya sepanjang zaman Wasiat Baru berkonsumasi dalam Yerusalem Baru sebagai konsumsi kegirangan Tuhan yang menyatukan, membaurkan, dan menginkorporasikan diri-Nya dengan manusia demi pembesaran dan ekspresi-Nya yang mulia—Wahi 22:21; Ef. 2:10.